



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA



BUKU PANDUAN ELEMEN KEUSAHAWANAN



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM

JUN 2010

BUKU PANDUAN

ELEMEN KEUSAHAWANAN

Copyright C 2010 Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 4-8, Blok 9
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya

Cetakan Pertama 2010

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain kaedah sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia,

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia

Malaysia. Bahagian Pembangunan Kurikulum
BUKU PANDUAN: ELEMEN KEUSAHAWANAN

ISBN...

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakat; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden:

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip berikut:-

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta member sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

PENDAHULUAN

Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berkaitan elemen keusahawanan dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) sejak awal tahun 1990-an berlandaskan bidang/tajuk pembelajaran perniagaan dan keusahawanan.

Penerapan aspek keusahawanan secara merentas kurikulum di Tahap Satu peringkat sekolah rendah bertujuan membolehkan murid memperoleh kemahiran asas dan pengetahuan berasaskan perniagaan dan keusahawanan supaya mereka dapat menjalankan kerja-buat-sendir, mereka cipta dan cenderung berurusniaga serta mengamalkan sikap dan budaya kerja yang baik.

Pemetaan elemen keusahawanan dalam perancangan dan pembangunan melalui standard kandungan dan standard pembelajaran KBSR dan KBSM menunjukkan kesinambungan yang mantap, bermula seawall dari Tahap satu (Tahun Satu dan Dua) sehingga di akhir Tahap Dua (Tahun Tiga hingga Enam) di peringkat sekolah rendah seterusnya hingga ke tingkatan lima di sekolah menengah.

Pemupukan budaya keusahawanan sewajarnya diberi penekanan bagi mewujudkan kurikulum yang relevan dengan keperluan semasa dan cabaran masa depan disamping membentuk generasi berwawasan yang mempunyai asas kukuh dalam aspek kemahiran berfikir, kemahiran berkomunikasi, kreativiti, pemikiran inovatif dan bersemangat keusahawanan.

ELEMEN KEUSAHAWANAN SEKOLAH RENDAH – TAHAP 1

DEFINISI

Elemen Keusahawanan merupakan segala-gala yang berkaitan dengan usahawan atau kegiatan dan kemahiran untuk menjadi usahawan (Kamus Dewan Edisi Ke-3). Secara umum, Elemen Keusahawanan merupakan proses-proses yang terlibat dalam membentuk ciri-ciri , sikap, kaedah berfikir dan nilai dalaman seseorang murid ke arah menjadi seorang usahawan.

MATLAMAT

Penerapan elemen keusahawanan di dalam kurikulum standard sekolah rendah bertujuan untuk **membentuk ciri-ciri, sikap, kaedah berfikir dan amalan keusahawanan melalui aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran** sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.

OBJEKTIF UMUM (MERENTAS KURIKULUM TERAS ASAS DAN TERAS TEMA)

Murid yang mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran berkaitan penerapan elemen keusahawanan sekolah rendah dalam pelbagai disiplin ilmu akan:

1. **Mengamalkan sikap keusahawanan yang cemerlang;**
2. **Mengaplikasikan pemikiran keusahawanan dalam situasi yang diperlukan;**
3. **Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran pengurusan perniagaan dalam aktiviti kehidupan seharian yang relevan;**
4. **Memformulasikan samada konsep, proses atau produk keusahawanan berasaskan pengetahuan dan kemahiran teknologi atau vokasional;**
5. **Mengamalkan nilai moral dan etika yang baik dalam keusahawanan.**

FOKUS

Penerapan elemen keusahawanan secara **eksplisit (dinyatakan dengan tepat dan jelas)** merentas kurikulum teras asas dan teras tema melibatkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan standard kandungan dan standard pembelajaran kurikulum disiplin tersebut.

Lima elemen utama yang diterapkan adalah pendedahan dan amalan **sikap keusahawanan**, latihan **pemikiran keusahawanan** dalam situasi yang sesuai, **formulasi konsep, proses atau produk keusahawanan berasaskan pengetahuan dan kemahiran teknologi atau vokasional** dan **amalan nilai moral dan etika yang baik dalam keusahawanan**.

Secara ringkas huraian tentang lima elemen utama keusahawanan ini adalah:

1. **Sikap keusahawanan**

Seorang usahawan mempunyai sikap yang cemerlang yang menyebabkan mereka berjaya dalam bidang yang diceburi. Sikap cemerlang ini penting kerana ia menjadi asas kekuatan dalam secara mental, emosi dan fizikal yang kukuh untuk mendorong usahawan menghadapi dan menangani pelbagai cabaran sehingga berjaya. Sikap adalah satu gambaran perasaan seseorang yang terangsang terhadap sesuatu objek yang akan dizahirkan menerusi tingkahlaku yang diambil oleh seseorang individu seperti pemilihan kerjaya dalam bidang keusahawanan. Sikap adalah penting untuk meramalkan tingkahlaku yang dapat menentukan kejayaan usaha teroka usahawan kerana hampir semua teroka memerlukan sikap tertentu seperti peka kepada peluang, ketabahan untuk mengatasi pelbagai rintangan, cabaran, masalah dan kegagalan yang mungkin timbul di peringkat permulaan atas halangan-halangan yang berkemungkinan timbul dikemudiannya

14 sikap keusahawanan yang perlu diterapkan ialah

i. **Bertanggungjawab terhadap keputusan**

Seorang usahawan bertanggungjawab ke atas sebarang keputusan berkaitan perniagaan yang diceburinya. Beliau lebih suka mengawal sendiri sumber-sumber berkaitan perniagaan dan menggunakan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan terlebih dahulu. Kesanggupan mengambil tanggungjawab terhadap hasil keputusan yang dibuat berkait rapat dengan lokus kawalan dalaman.

ii. **Sangat peka kepada peluang**

Usahawan yang berjaya sentiasa memikirkan pencapaian matlamat. Bagi mereka, untuk mencapai matlamat yang ditetapkan perlu keupayaan peka, melihat dan mengambil peluang yang terdapat di persekitaran. Peluang perniagaan boleh wujud akibat masalah yang ditimbulkan oleh orang lain, perubahan teknologi, perubahan cita rasa pengguna, perubahan cara hidup, perubahan sikap, sumber-sumber alam yang masih belum diterokai dan sebagainya.

iii. **Berani mengambil risiko yang dianggarkan**

Usahawan yang berjaya tidak mengambil risiko tanpa menganggarkannya terlebih dahulu. Usahawan adalah pengurus risiko yang baik. Usahawan hidup dalam dunia ketidaktentuan dengan kadar perubahan yang tinggi. Dalam dunia begini, seseorang usahawan belajar mengurus risiko dan memastikan bahawa risiko yang diambil adalah munasabah dan berpatutan dengan ganjaran yang diterima.

iv. **Daya kreativiti dan inovatif**

Usahawan dengan minda yang kreatif dapat mencipta sesuatu yang baharu dan menyelesaikan masalah dengan logikal. Kreativiti dijelaskan sebagai kebolehan mengadakan idea alternatif dan memperkembangkan idea baru tersebut selain boleh memberi pandangan lain terhadap sesuatu peluang, situasi dan masalah. Inovatif pula adalah kebolehan memperbaiki dan mengaplikasikan idea kreatif terhadap masalah dan peluang untuk memperkuuhkan dan memperkayakan sesuatu.

v. Fleksibiliti

Kebolehan menyesuaikan diri terhadap perubahan persekitaran seperti permintaan pelanggan dan perniagaan mereka adalah satu ciri usahawan yang berjaya. Dalam dunia sekarang yang sentiasa berubah, kebolehan bertindak dengan cara yang fleksibel memerlukan satu daya kreativiti yang tinggi.

vi. Keinginan kepada maklum balas segera

Seseorang usahawan yang berjaya suka untuk mengetahui prestasi mereka. Mereka memiliki keinginan yang kuat untuk menggunakan pengetahuan bagi membaiki prestasi mereka. Sikap ini sangat berkait rapat dengan kehendak untuk belajar dari kesilapan lalu. Oleh itu, seorang usahawan juga dikenali sebagai pendengar yang prihatin dan pelajar yang pantas.

vii. Berorientasikan masa depan

Kajian telah menunjukkan usahawan yang mencipta perniagaan dan memastikan pertumbuhannya pada kadar yang tinggi menzahirkan perasaan perihatin yang tinggi terhadap masa depan perniagaan tersebut berbanding dengan usahawan yang mempunyai perniagaan yang kadar pertumbuhannya rendah atau sederhana.

viii. Kesanggupan belajar daripada kesilapan

Seorang usahawan yang berjaya sanggup menerima kegagalan sebagai satu keperluan untuk mencapai kejayaan. Kegagalan merupakan satu pengajaran supaya kesilapan yang sama tidak diulangi. Dengan sikap sedemikian, seseorang usahawan akan dapat memperbaiki peluang untuk mencapai kejayaan.

ix. Berkeupayaan memimpin

Usahawan yang berjaya merupakan seseorang yang berpengalaman, memiliki pengetahuan tentang teknologi dan keadaan pasaran di mana dia beroperasi. Jarang sekali dapat dilihat sesuatu usaha teroka yang berjaya dikendalikan oleh seseorang yang tidak mempunyai pengalaman dalam bidang yang diterokainya.

Usahawan yang berjaya mempunyai kemampuan untuk menggunakan pengaruhnya sebagai pemimpin.

x. Berorientasikan pencapaian

Usahawan yang berjaya sering mengetahui objektif dan tujuan yang mereka hendak capai. Objektif-objektif yang ditetapkan merupakan satu dorongan yang kuat yang akan menggerakkan usahawan ke arah pencapaian tersebut.

xi. Daya tahan yang kental

Usahawan akan menghadapi pelbagai cabaran dan halangan sebaik sahaja menubuhkan perniagaan. Dia perlu mempunyai daya kekuatan mental, fizikal dan emosi yang tinggi untuk terus bertahan disamping terus menangani segala masalah yang dihadapi dengan tabah sehingga berjaya.

xii. Bertoleransi terhadap ketidaktentuan yang tinggi

Usahawan juga menghadapi pelbagai kemungkinan situasi dalam perniagaan mereka akibat dari perubahan yang tidak dijangka atau tidak mendapat maklumat yang tepat. Usahawan perlu mempunyai kesabaran untuk bertolak ansur dengan situasi yang tidak tentu tersebut dan tenang mencari penyelesaiannya.

xiii. Daya ketabahan yang tinggi (Pantang menyerah dan berputus asa)

Usahawan melalui proses yang banyak dalam jangka waktu yang panjang untuk membangunkan perniagaannya sehingga mencapai tahap yang selesa dan kuat. Kekuatan semangatnya melalui setiap waktu dengan pelbagai aktiviti yang perlu dilakukan, pelbagai cabaran dan ketidaktentuan persekitaran atau hasil menjamin keberlangsungan usaha yang dilakukan.

xiv. Boleh membina jaringan sosial

Usahawan perlu meluaskan jaringan sosial perniagaannya. Jaringan sosial perniagaan diperlukan untuk memastikan perniagaannya dikenali ramai selain mudah untuk menjalinkan hubungan kerjasama bagi mendapatkan maklumat dan pesanan sumber-sumber yang berkaitan dengan kejayaan perniagaan.

Pedagogi pembentukan sikap keusahawanan melibatkan langkah-langkah seperti mendedahkan murid kepada definisi sikap-sikap yang relevan di dalam sesuatu tajuk modul yang diajar. Contoh-contoh situasi diberikan agar dapat membantu murid menggambarkan keperluan mempunyai sikap seperti yang dijelaskan. Guru juga perlu memastikan murid dapat mengamalkan sikap tersebut sehingga menjadi satu amalan harian sehingga menjadi budaya dalam kehidupan seharian mereka.

2. Pemikiran Ke arah Keusahawanan

Murid perlu berfikiran kritis, kreatif dan inovatif ke arah keusahawanan kerana mereka perlu mengenal peluang-peluang dalam persekitaran mereka melalui pemerhatian supaya boleh menjana idea, gambaran atau langkah-langkah ke arah sesuatu tindakan untuk menyelesaikan sesuatu situasi yang mudah.

Guru boleh membantu murid menggalakkan pemikiran ke arah keusahawanan mengikut tajuk yang relevan berpandukan sembilan langkah utama seperti:

- i. amalan memerhati persekitaran dengan sengaja dan bertujuan;
- ii. menganalisis pemerhatian secara kritis dan kreatif;
- iii. menghasilkan idea dari pemerhatian;
- iv. memilih idea terbaik dari banyak idea;
- v. menambahbaik idea yang dipilih (inovasi);
- vi. menilai idea secara kritis dalam konteks;
- vii. melaksanakan idea dalam bentuk produk teknologi abstrak atau konkret;
- viii. menyesuaikan idea baru dengan keperluan masyarakat dan persekitaran;
- ix. meneruskan peningkatan kualiti idea.

Contoh Pedagogi mengamalkan pemikiran ke arah keusahawanan ialah guru meminta murid memerhati persekitaran yang terlibat dengan tajuk pengajaran yang diajar dan seterusnya menyenaraikan hasil pemerhatian untuk mencetuskan idea yang kreatif. Dari situ, guru boleh membantu menggalakkan murid memperkembangkan idea dan melaksanakannya dalam bentuk kaedah, produk dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan masyarakat.

3. Mengamalkan Pengetahuan dan Kemahiran Pengurusan Perniagaan

Penerapan Elemen Keusahawanan yang berjaya akan menghasilkan murid yang selain mempunyai sikap dan pemikiran yang cemerlang, beliau juga boleh mengaplikasi konsep pengetahuan dan kemahiran pengurusan perniagaan; bukan sahaja dalam situasi kehidupan harian yang relevan bahkan juga dalam perniagaan mereka.

Pedagogi pengetahuan dan kemahiran pengurusan perniagaan melibatkan praktis amalan-amalan tertentu seperti membuat penilaian terhadap kualiti produk atau perkhidmatan, mengurus wang samada dalam perbelanjaan harian atau penabungan, mengurus transaksi jual beli mudah harian dan amalan kepenggunaan yang baik.

4. Mengaplikasi Teknologi dan Vokasional Keusahawanan

Murid yang telah dibekalkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam menghasilkan sesuatu samada konsep, produk atau perkhidmatan boleh memformulasikan pengetahuan teknologi dan vokasional mereka untuk mereka cipta produk keusahawanan yang boleh dijual kepada rakan-rakan atau pun guru-guru.

Pedagogi pengaplikasian teknologi dan vokasional keusahawanan melibatkan praktis langah-langkah dalam reka bentuk (*design*) yang menggabungkan pengetahuan dan kemahiran teknologi atau vokasional untuk menghasilkan samada konsep, produk dan perkhidmatan yang boleh dikomersilkan.

5. Nilai Moral dan Etika Keusahawanan

Nilai moral keusahawanan adalah ciri baik yang dapat membimbing murid ke arah menjadi seorang usahawan yang bertanggungjawab kepada masyarakat amnya. Nilai moral baik ini mendorong murid mengambil tingkah laku yang beretika semasa menjalankan urusniaga sama ada dengan rakan-rakan atau pelanggan.

Ada **lima** prinsip amalan etika keusahawanan berdasarkan nilai moral baik:

1. **Prinsip kemudaratan:** perniagaan tidak boleh menyebabkan kemudaratan
 - a. Menjaga kesejahteraan masyarakat: persekitaran dan aspek fizikal dan emosi individu
 - b. Tidak salah guna kuasa dan sumber
2. **Prinsip keadilan:** perniagaan patut adil dalam amalannya
 - a. Tidak menindas
 - b. Tidak memilih kasih
3. **Prinsip hak manusia:** perniagaan patut menghormati hak manusia
 - a. Menghormati hak orang lain
 - b. Tidak menyekat hak orang lain
4. **Prinsip autonomi:** perniagaan tidak boleh menafikan hak memilih individu
 - a. Menghormati cara hidup orang lain
 - b. Menghargai kepelbagaian manusia
5. **Prinsip ketelusan:** perniagaan tidak mengelirukan masyarakat
 - a. Tidak mengelirukan masyarakat

b. Menyatakan yang benar

Pedagogi nilai moral dan etika melibatkan situasi-situasi yang memerlukan murid membuat penilaian dan seterusnya cuba memodelkan dalam amalan kehidupan seharian mereka. Dalam kelas, murid boleh melakukan amalan nilai moral dan etika secara simulasi dan main peranan.

ORGANISASI KANDUNGAN

Penerapan lima elemen utama keusahawanan di atas dilaksanakan secara merentas kurikulum di dalam Modul Teras Asas dan Modul Teras Tema bagi Tahap Satu seperti berikut:

	Tahap Satu	
	Modul Teras Asas	<ul style="list-style-type: none">• Bahasa Malaysia• Bahasa Inggeris• Bahasa Cina• Bahasa Tamil• Matematik• Pendidikan Jasmani• Pendidikan Kesihatan• Pendidikan Islam/Pendidikan Moral
	Modul Teras Tema	<ul style="list-style-type: none">• Seni Visual dan Muzik• Dunia Sains dan Teknologi

CONTOH APLIKASI KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TERAS ASAS TAHUN 1

	Teras Asas	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Situasi	Aktiviti Penerapan Elemen Keusahawanan
1	Matematik			Di kantin murid menggunakan wang untuk membeli kueh atau jual beli secara amnya.	<ul style="list-style-type: none"> • Sikap: Sangat peka kepada peluang (untuk menyimpan duit belanja yang lebih) • Pemikiran: boleh membezakan syiling dan wang kertas; memberi penilaian terhadap jenis barang dengan harganya • Kaedah: main peranan <p>Aktiviti P & P:</p> <p>Murid memain peranan sebagai penjual kueh dan pembeli kueh; urusan jual beli secara am.</p>
2	Pendidikan Islam	4.0 Sirah 4.1 menyatakan keturunan Nabi Muhamad SAW dan tanda-tanda kenabian baginda	1. menyatakan salasilah keturunan Nabi Muhamad SAW sebelah ibu dan bapa	Peniaga dan pembeli sedang berurusniaga	<ul style="list-style-type: none"> • sikap: berkeupayaan memimpin • nilai moral: tidak menindas, menghormati hak orang lain • kaedah: main

					peranan Aktiviti P & P: Murid berlakon cara berurus niaga dengan memasukkan ciri-ciri baik yang ada pada Nabi Muhamad SAW
3	Pendidikan Kesihatan	4.0 Penyalahgunaan Bahan 6.1 Mengetahui pelbagai jenis ubat	1. Mengenal pasti tujuan ubat digunakan. 2. Menyedari bahawa ubat boleh membahayakan kesihatan – salah guna pengambilan ubat, ubat yang berubah warna, rasa, bau, rupa, tamat tempoh 3. Mematuhi preskripsi doktor apabila mengambil ubat	Situasi di sebuah farmasi/kaunter ubat.	<ul style="list-style-type: none"> • Sikap: Boleh membina jaringan sosial • Sikap: Kesanggupan belajar daripada kesilapan <p>Perbualan antara doktor dengan pelanggan; atau peniaga/ ahli farmasi dengan pembeli.</p> <p>Aktiviti P & P:</p> <p>Kaedah : Main peranan</p> <p>Murid memberi maklum balas (sumbang saran) secara lisan mengenai maklumat yang betul dan penting tentang ubatan. Contohnya: kaedah yang betul menggunakan ubat, tarikh luput, dos ubat yang betul dan kekerapan</p>

					mengambil ubat.
4	Kreativiti dan Seni Visual	Membentuk dan Membuat Binaan	Origami	Murid menjual origami yang dihasilkan.	<ul style="list-style-type: none"> • Sikap: Sangat peka kepada peluang • Sikap: Daya kreativiti dan inovatif • Sikap: Fleksibiliti • Sikap: Berorientasi masa depan • Aplikasi kemahiran teknologi vokasional dan keusahawanan : Menghasilkan binaan origami yang pelbagai • Pengetahuan dan kemahiran pengurusan perniagaan : Membuat perbandingan antara binaan origami dan dapat menentukan perbezaan kualiti dan dapat menentukan harga yang sepadan. • Nilai Etika Keusahawanan: Menghormati cara hidup orang

					<p>lain Menghargai kepelbagaian manusia</p> <p>Aktiviti P & P:</p> <p>Murid membentuk dan membuat binaan origami.</p>
--	--	--	--	--	--

**CONTOH APLIKASI KADEAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TERAS ASAS
TAHUN 1**

Teras Asas	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Situasi	Aktiviti Penerapan Elemen Keusahawanan
1	Matematik	<p>3.1 Mengenal pasti ringgit dan sen</p> <p>3.2 Tambah dan tolak melibatkan wang</p> <p>Mengenal pasti mata wang Malaysia dalam bentuk syiling dan wang kertas</p> <p>Menukar wang: Syiling hingga 1 ringgit</p>	Di kantin murid menggunakan wang untuk membeli kueh atau jual beli secara amnya.	<ul style="list-style-type: none"> Sikap: Sangat peka kepada peluang (untuk menyimpan duit belanja yang lebih) Pemikiran: boleh membezakan syiling dan wang kertas; memberi penilaian terhadap jenis barang dengan harganya Kaedah: main peranan <p>Aktiviti P & P:</p> <p>Murid memain peranan sebagai penjual kueh dan pembeli kueh; urusan jual beli secara am.</p>
2	Pendidikan Islam	<p>4.0 Sirah</p> <p>4.1 menyatakan keturunan Nabi</p>	<p>1. menyatakan salasilah keturunan Nabi Muhammad SAW sebelah ibu dan</p>	<p>Peniaga dan pembeli sedang berurusniaga</p> <ul style="list-style-type: none"> sikap: berkeupayaan memimpin nilai moral: tidak

		Muhamad SAW dan tanda-tanda kenabian baginda	bapa		<p>menindas, menghormati hak orang lain</p> <ul style="list-style-type: none"> • kaedah: main peranan <p>Aktiviti P & P:</p> <p>Murid berlakon cara berurus niaga dengan memasukkan ciri-ciri baik yang ada pada Nabi Muhamad SAW</p>
3	Pendidikan Kesihatan	4.0 Penyalahgunaan Bahan 6.1 Mengetahui pelbagai jenis ubat	1. Mengenal pasti tujuan ubat digunakan. 2. Menyedari bahawa ubat boleh membahayakan kesihatan – salah guna pengambilan ubat, ubat yang berubah warna, rasa, bau, rupa, tamat tempoh 3. Mematuhi preskripsi doktor apabila mengambil ubat	Situasi di sebuah farmasi/kaunter ubat.	<ul style="list-style-type: none"> • Sikap: Boleh membina jaringan sosial • Sikap: Kesanggupan belajar daripada kesilapan <p>Perbualan antara doktor dengan pelanggan; atau peniaga/ ahli farmasi dengan pembeli.</p> <p>Aktiviti P & P:</p> <p>Kaedah : Main peranan</p> <p>Murid memberi maklum balas (sumbang saran) secara lisan mengenai maklumat yang betul dan penting tentang ubatan. Contohnya:</p>

					kaedah yang betul menggunakan ubat, tarikh luput, dos ubat yang betul dan kekerapan mengambil ubat.
4	Kreativiti dan Seni Visual	3. Membentuk dan Membuat Binaan: Origami	3.2 Aplikasi Seni	Murid menjual origami yang dihasilkan.	<ul style="list-style-type: none"> • Sikap: Sangat peka kepada peluang • Sikap: Daya kreativiti dan inovatif • Sikap: Fleksibiliti • Sikap: Berorientasi masa depan • Aplikasi kemahiran teknologi vokasional dan keusahawanan : Menghasilkan binaan origami yang pelbagai • Pengetahuan dan kemahiran pengurusan perniagaan : Membuat perbandingan antara binaan origami dan dapat menentukan perbezaan kualiti dan dapat menentukan harga yang

					<p>sepadan.</p> <ul style="list-style-type: none">• Nilai Etika Keusahawanan: Menghormati cara hidup orang lain Menghargai kepelbagai manusia <p>Aktiviti P & P:</p> <p>Murid membentuk dan membuat binaan origami.</p>
--	--	--	--	--	---

PUNCA KUASA PENERAPAN EMK

- PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI (PTE)
 - mewujudkan mekanisme untuk mengukuhkan keupayaan isi rumah dalam kumpulan 40% terendah mengambil peluang dalam menambah pendapatan melalui perniagaan kecil.
 - Kumpulan ini akan dibantu dengan program membina kemahiran supaya dapat menggunakan naluri keusahawanan bagi memula dan mengembangkan perniagaan.

PUNCA KUASA PENERAPAN EMK

- Antara ciri-ciri Malaysia pada tahun 2020 di dalam Model Ekonomi Baru ialah Keusahawanan dan Inovatif
- Kerajaan akan memberi ganjaran bagi inovasi dan kreativiti
- Matlamat Dasar Membentuk Ekosistem Bagi Keusahawanan dan Inovasi dengan langkah melancarkan jalur lebar seluruh ekonomi

ELEMEN KEUSAHAWANAN


Definisi:

Satu proses dalam membentuk ciri-ciri, sikap, kaedah berfikir dan nilai ke arah menjadi seorang usahawan.

ELEMEN KEUSAHAWANAN

Matlamat:

Bertujuan untuk membentuk ciri-ciri, sikap, kaedah berfikir dan amalan keusahawanan melalui aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran sehingga menjadi satu budaya dalam diri murid.



CONTOH APLIKASI KAEDAH P&P ELEMEN KEUSAHAWANAN